



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGUNAAN AYAT MAJMUUK: SATU KAJIAN KE ATAS PENULISAN KARANGAN PELAJAR TINGKATAN ENAM RENDAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

ZULKIFLI BIN OSMAN



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
OGOS 2002**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGUNAAN AYAT MAJMUUK: SATU KAJIAN
KE ATAS PENULISAN KARANGAN PELAJAR
TINGKATAN ENAM RENDAH**

**ZULKIFLI BIN OSMAN
NO. PEND. 992-00013**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM**

OGOS 2002



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



6 Mei 2002

ZULKIFLI BIN OSMAN
992-90013



PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang kerana limpah kurnia dan hidayah-Nya mengizinkan saya menyempurnakan penulisan penyelidikan ini.

Pertama-tama, ucapan penghargaan ini saya tujukan kepada semua ahli keluarga saya yang banyak berkorban dan bersabar semasa saya menjalankan kajian ini. Kepada ayahanda Osman bin Abdul Kadir, isteriku yang selalu memahami, Rohani binti Hj. Ismail dan anak-anakku yang senantiasa sabar, pengorbanan yang anda berikan merupakan pendorong utama saya menyiapkan tugas ini.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin menyampaikan penghargaan yang tinggi kepada penyelia-penyelia saya, Dr Alias Mohamad Yatim dan En. Seri Lanang Jaya bin Haji Rohani kerana sudi memberi tunjuk ajar yang tidak temilai dalam usaha saya menyiapkan disertasi ini. Penghargaan ini juga turut saya tujukan kepada penyelia awal saya, Tuan Haji Radzuan bin Abdul Kadir (dari Februari 2000 – Mac 2001) yang banyak membantu dan membimbing saya dalam usaha menyiapkan disertasi ini.

Kepada guru bahasa saya, Profesor Dr. Abdullah Hassan, bimbingan dan teguran yang diberikan kepada saya tetap saya kenang. Selain itu, ucapan dan penghargaan juga saya tujukan kepada Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim yang telah menganugerahkan Skim Latihan Khas kepada saya untuk mengikuti program Sarjana Pendidikan (S.Pend) di Universiti ini.

Selain itu, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah banyak membimbing saya menjalankan penyelidikan.

Kepada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil, Tapah, guru-guru di sekolah tersebut, khususnya guru-guru yang mengajarkan Bahasa Melayu Tingkatan Enam Rendah, para pelajar yang terlibat, terima kasih saya ucapkan kerana tanpa saudara semua, penyelidikan saya ini mungkin tidak berjaya.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pelajar-pelajar Tingkatan Enam Rendah Sekolah Kebangsaan Buyong Adil tahun 2001 yang turut membantu saya menaip semula karangan pelajar ke dalam bentuk yang lebih kemas. Bantuan pelajar-pelajar ini akan sentiasa saya kenang. Kepada sesiapa yang membantu saya yang namanya tidak dapat saya sebutkan satu-persatu, terima kasih juga saya ucapkan.

ZULKIFLI BIN OSMAN
Lot 1052, Kampung Jelutong Tambahan,
Kampung Keliang,
44100 Kalumpang,
Selangor Darul Ehsan.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meninjau kemampuan pelajar menggunakan ayat majmuk dalam penulisan karangan. Kemampuan pelajar menggunakan ayat majmuk diukur dari segi kadar kekerapan penggunaan dan kesalahan ayat majmuk yang dihasilkan dalam penulisan karangan mereka. Bagi meninjau kekerapan penggunaan ayat majmuk, penjenisan ayat majmuk aktif *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga, 1993)* digunakan. Manakala, bagi meninjau kekerapan kesalahan ayat majmuk, rumusan *Nahu Melayu Mutakhir (1993)* dan *Analisis Kesalahan Nahu Raminah Sabran (1983)* digunakan. Kajian ini melihat sejauh mana pelajar menggunakan ayat majmuk dan kadar kesalahannya. Selain itu, kajian ini turut meninjau kadar kekerapan penggunaan dan kesalahan ayat majmuk berdasarkan latar belakang pelajar. Kajian berbentuk deskriptif ini melibatkan 70 orang pelajar sebagai responden. Bilangan responden ini mewakili semua pelajar tingkatan enam rendah yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan STPM tahun 2001. Bagi mengumpulkan data, hasil karangan dalam peperiksaan sebenar, iaitu Peperiksaan Akhir Tahun telah digunakan. Soalan yang digunakan dalam peperiksaan tersebut telah digubal berdasarkan soalan sebenar Kertas Bahasa Melayu STPM dengan bantuan Guru Kanan mata pelajaran Bahasa Melayu. Bagi mencari kekerapan penggunaan dan kesalahan ayat majmuk, peratusan telah digunakan. Sementara itu, purata digunakan bagi melihat perbezaan kadar penggunaan dan kesalahan ayat majmuk berdasarkan latar belakang pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar ayat yang dihasilkan oleh pelajar dalam hasil penulisan karangan mereka ialah ayat majmuk. Kajian juga mendapati bahawa ayat majmuk campuran merupakan jenis ayat majmuk yang paling kerap digunakan dan tinggi kadar kesalahannya. Selain itu, Kajian ini juga mendapati bahawa kadar penggunaan dan kesalahan ayat majmuk bagi kumpulan pelajar yang berlainan latar belakang adalah berbeza. Kajian ini juga mendapati bahawa kumpulan pelajar yang kerap menggunakan ayat majmuk, khususnya ayat majmuk campuran, kerap melakukan kesalahan ayat majmuk. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa sebahagian besar tahap karangan pelajar tergolong dalam kategori rendah. Kajian ini diharapkan dapat membantu guru untuk membentuk satu rancangan pengajaran yang berkesan bagi mengurangkan kesalahan bahasa, khususnya ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar. Kajian ini juga dapat membantu guru memahami masalah pelajar yang berlainan latar belakang dalam mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, khususnya kemahiran menulis.



ABSTRACT

THE USAGE OF COMPOUND SENTENCES:A RESEARCH OF THE LOWER SIX STUDENTS' ESSAY WRITING.

This research was done to observe students ability using compound sentences in essay writing. The ability was measured by the frequency of usage and errors made. To observe the frequency usage of the compound sentences, the active forms of *Tatabahasa Dewan (Third Edition, 1993)* were used. To observe the errors made, *Nahu Melayu Mutakhir (Asmah Hj. Omar, 1993)* and *Error Analysis of Raminah Sabran (1983)* were used. Besides, looking at the extent of usage and errors made, the matter was evaluated based on the students background. This descriptive research involved 70 respondents. The number represented the Lower Six Students who took Bahasa Melayu Paper in STPM in 2001. To collect data, essays in the real examination, that was the final exam, were used. The questions set were based on the Bahasa Melayu Paper in STPM with the assistance from a Bahasa Melayu Senior Teacher. A percentage was drawn to find the frequency of usage and errors made while an everage was drawn to see the difference of the matter based on their background. The finding showed that most of the compound sentences constructed were high in usage and errors. The number of usage and errors also differ distinctly based on their background. The research found that the studens who often used compound sentences, particularly mixed compound sentences, often made errors. Results also showed that most of the essays were poor in standard. It is hoped that the research could help teachers to design an effective lesson plan to minimize errors especially in using compound sentences in writing essays. Besides, the research hoped to help teachers understand that students background also contributes to the problems in language teaching and learning especially in writing skill.



KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB I	PENGENALAN	1-23
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
	I Kepentingan Ayat yang Gramatis dalam Hasil Penulisan Karangan	4
	II Kepentingan Menguasai Ayat Majmuk dalam Penulisan Karangan	6
	III Kemahiran Menulis Karangan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam.	7
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Kepentingan Kajian	12
1.5	Tujuan Kajian	13
1.6	Persoalan Kajian	14
1.7	Batasan Kajian	15

1.8	Definisi Operasional	17
	I Kekerapan	18
	II Penggunaan	18
	III Kemampuan	18
	IV Penulisan Karangan	19
	V Kesalahan	19
	VI Pelajar Tingkatan Enam Rendah	19
	VII Tahap Karangan Pelajar	20
	VIII Pendidikan Formal	21
	IX Latar Belakang Pendidikan Keluarga	21
	X Taraf Sosioekonomi Keluarga	21
	XI Pencapaian Bahasa Melayu	22
	XII Bahasa Ibunda	22
	XIII Bahasa Kedua	23
	XIV Ayat	23
1.9	Kesimpulan	23
BAB II	TINJAUAN LITERATUR	24-47
2.1	Pendahuluan	25
2.2	Kajian Terhadap Penggunaan Ayat Majmuk dan Kaitannya dengan Pelbagai Faktor	25
2.3	Kajian Terhadap Analisis Kesalahan Ayat Majmuk dan Kaitannya dengan Pelbagai Faktor	33
2.4	Kajian tentang Hubungan Penguasaan Bahasa dengan Pelbagai Faktor	40
2.5	Kesimpulan	46

BAB III	AYAT MAJMUK	48-102
3.1	Pendahuluan	48
3.2	Huraian Ayat Majmuk	48
3.3	Cerakinan Ayat Majmuk	62
	3.3.1 Ayat Majmuk Gabungan	62
	3.3.2 Ayat Majmuk Pancangan	66
	3.3.3 Ayat Majmuk Campuran	74
3.4	Ringkasan Cerakinan Ayat Majmuk	77
3.5	Fungsi Kata Hubung	78
	3.5.1 Fungsi Kata Hubung <i>untuk</i> sama ada Sebagai Penanda Ayat Komplemen atau Ayat Keterangan	78
	3.5.2 Fungsi Kata <i>dengan</i> sama ada Sebagai Kata Sendi Nama atau Kata Hubung dalam Ayat Majmuk Pancangan Keterangan	79
3.6	Huraian Kesalahan Ayat Majmuk	81
3.7	Penentuan Jenis Kesalahan Ayat Majmuk untuk Kajian	91
	3.7.1 Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan	91
	3.7.2 Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Pancangan	94
	3.7.3 Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Campuran	97
3.8	Kajian Tentang Kesalahan Ayat Majmuk	100
 BAB IV	 METODOLOGI KAJIAN	 103-129
4.1	Pendahuluan	103
4.2	Reka Bentuk Kajian	103
4.3	Populasi dan Sampel Kajian	104

4.4	Alat Kajian	107
	4.4.1 Penulisan Karangan	107
	4.4.2 Soal Selidik Maklumat Pelajar	109
4.5	Prosedur Kajian	110
4.6	Langkah-langkah Pengumpulan Kekerapan Ayat Majmuk	113
	4.6.1 Langkah-langkah Pengumpulan Kekerapan Penggunaan	113
	4.6.2 Langkah-langkah Pengumpulan Kekerapan Kesalahan	115
4.7	Langkah-langkah Analisis Kesalahan Ayat	117
4.8	Langkah-langkah Analisis Kesalahan Ayat Majmuk	123
4.9	Penganalisan Data	126
4.10	Kesimpulan	126

BAB V

DAPATAN KAJIAN

130-211

5.1	Pendahuluan	130
5.2	Latar Belakang Responden	130
5.3	Analisis Penggunaan Ayat Majmuk dalam Penulisan Karangan Pelajar	135
	5.3.1 Kadar Penggunaan Ayat Majmuk yang digunakan oleh Pelajar dalam Penulisan Karangan	136
	5.3.2 Kekerapan Pelajar Menggunakan Ayat Majmuk Aktif Berdasarkan Jenis Secara Keseluruhan	137
	5.3.3 Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Berdasarkan Tiga (3) Jenis Utama	139
	5.3.4 Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Aktif dalam Penulisan Karangan Pelajar Berdasarkan Pelbagai Latar Belakang	144
5.4	Analisis Kesalahan Ayat Majmuk dalam Penulisan Karangan	172
	5.4.1 Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Aktif Secara	

Keseleruhan di Kalangan Pelajar 172

5.4.2 Kekерapan Kesalahan Ayat Majmuk Berdasarkan Jenis Kesalahan dalam Penulisan Karangan 173

5.4.3 Kekерapan Kesalahan Ayat Majmuk Aktif Berdasarkan Latar Belakang Ibu bapa atau Penjaga Pelajar 179

5.5 Tahap Penulisan Karangan Pelajar Berdasarkan Bilangan Kesalahan Ayat Majmuk Aktif 210

BAB VI RUMUSAN DAN CADANGAN 212-229

6.1 Pendahuluan 212

6.2 Ringkasan Dapatan 213

6.3 Perbincangan Dapatan 217

6.3.1 Kekерapan Penggunaan Ayat Majmuk 217

6.3.2 Kekерapan Kesalahan Ayat Majmuk 219

6.3.3 Kekерapan Kesalahan dan Kaitannya dengan Pemboleh-Pemboleh ubah 219

6.3.4 Tahap Karangan Pelajar 221

6.3.5 Kemampuan Pelajar Menggunakan Ayat Majmuk 221

6.4 Rumusan Kajian 226

6.5 Implikasi Kajian kepada Guru dan Pelajar 227

6.6 Cadangan Penyelidikan Lanjutan 228

BIBLIOGRAFI 230

LAMPIRAN 237

A. Soalan Karangan Bahasa Melayu 2, Peperiksaan Akhir Tahun, Oktober 2000 238

B. Soal Selidik Latar Belakang Diri dan Ibu bapa Pelajar 239

C.	Contohan Ayat Majmuk yang dihasilkan Oleh Sampel (Pelajar) Dalam Penulisan Karangan	242
D.	Borang Analisis Penggunaan Ayat-ayat Majmuk	254
E.	Borang Analisis Jenis Kesalahan Ayat-ayat Majmuk	256
F.	Surat Kebenaran Kajian	258

SENARAI JADUAL

Bil.	Nama Jadual	Halaman
1	Taburan Sampel Mengikut Jantina dan Kaum	105
2	Taburan Pelajar SMKBA, Tapah, Perak.	107
3	Taburan Sampel Berdasarkan Jantina dan Kaum	131
4	Taburan Pelajar berdasarkan Pencapaian Bahasa Melayu Peringkat SPM Tahun 2000.	132
5	Taburan Pelajar Berdasarkan Bahasa Pertuturan Semasa Berhubung Dengan Ahli Keluarga dan Rakan-rakan Sama ada di Rumah atau di Sekolah	133
6	Taburan Pelajar Berdasarkan Pendapatan Bulanan Ibu Bapa atau Penjaga	133
7	Taburan Pelajar Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa	134
8	Taburan Pelajar Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa atau Penjaga	135
9	Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Berbanding dengan Jumlah Ayat yang Digunakan oleh Pelajar dalam Penulisan Karangan	136
10	Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Secara Keseluruhan Berdasarkan Jenis di Kalangan Pelajar	137
10 (b)	Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Berdasarkan 3 Jenis Utama di Kalangan Pelajar	138
11	Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Gabungan Berdasarkan Jenis	149
12	Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan Berdasarkan Jenis	141
12 (b)	Tatatingkat Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan Berdasarkan Jenis	142

13	Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Campuran Berdasarkan Jenis	143
13 (b)	Tatatingkat kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Campuran Berdasarkan Jenis	144
14	Purata Penggunaan Ayat Majmuk Aktif Berdasarkan Kaum	146
14 (b)	Perbandingan Purata Penggunaan Ayat Majmuk Aktif di kalangan Pelajar Melayu dan Bukan Melayu	147
14 (c)	Purata Penggunaan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Kaum	149
14 (d)	Purata Penggunaan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk di Kalangan Pelajar Melayu dan Bukan Melayu	150
15	Purata Penggunaan Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Jantina	151
15 (b)	Purata Penggunaan Ayat Majmuk Di Kalangan Pelajar Lelaki dan Perempuan Berdasarkan Jenis Utama Ayat Majmuk	153
16	Purata Penggunaan Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Pencapaian Bahasa Melayu Peringkat SPM	154
16 (b)	Purata Penggunaan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Pencapaian Bahasa Melayu Peringkat SPM	156
17	Purata Penggunaan Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Taraf Pendidikan Ibu Bapa atau Penjaga	158
17 (b)	Purata Penggunaan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk Aktif Berdasarkan Taraf Pendidikan Ibu Bapa atau Penjaga Pelajar	159
18	Purata Penggunaan Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa Pelajar	160
18 (b)	Purata Penggunaan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa Pelajar	162
19	Purata Penggunaan Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa Pelajar	163



19 (b)	Purata Penggunaan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Status Pekerjaan Ibu Bapa Pelajar	165
20	Purata Penggunaan Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Bahasa Pertuturan dengan Keluarga di Rumah	167
20 (b)	Purata Penggunaan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Bahasa Pertuturan dengan Keluarga di Rumah	168
21	Purata Penggunaan Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Bahasa Pertuturan dengan Guru di Sekolah	170
21 (b)	Purata Penggunaan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk Aktif Pelbagai Jenis Berdasarkan Bahasa Pertuturan dengan Guru di Sekolah	171
22	Kekerapan Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk Aktif Secara Keseluruhan di kalangan Pelajar	173
23	Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan Berdasarkan Jenis Kesalahan di Kalangan Pelajar	174
23 (b)	Tatatingkat Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan Berdasarkan Jenis Kesalahan di Kalangan Pelajar	175
24	Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Berdasarkan Jenis Kesalahan di Kalangan Pelajar	176
24 (b)	Tatatingkat Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Berdasarkan Jenis Kesalahan di Kalangan Pelajar	177
25	Purata Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Campuran Berdasarkan Jenis Kesalahan di Kalangan Pelajar	178
26	Purata Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Pelbagai Jenis Berdasarkan Kaum	181
26 (b)	Purata Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Pelbagai Jenis Berdasarkan Pelajar Melayu dan Bukan Melayu	183
26 (c)	Purata Kekerapan Kesalahan Tiga Jenis Utama Ayat	



**Majmuk Berdasarkan Kaum****184**

- 26 (d) Purata Kekerapan Kesalahan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Pelajar Melayu dan Bukan Melayu 185
- 27 Purata Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Pelbagai Jenis Berdasarkan Jantina 187
- 27 (b) Purata Kekerapan Kesalahan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Jantina 188
- 28 Purata Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Pelbagai Jenis Berdasarkan Pencapaian Bahasa Melayu Peringkat SPM 189
- 28 (b) Purata Kekerapan Kesalahan Tiga Jenis Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Pencapaian Bahasa Melayu Peringkat SPM 191
- 29 Purata Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Berdasarkan Taraf Pendidikan Ibu Bapa atau Penjaga 193
- 29 (b) Purata Kekerapan Kesalahan Golongan Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Taraf Pendidikan Ibu Bapa atau Penjaga 195
- 30 Purata Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Berdasarkan Taraf Pekerjaan Ibu Bapa atau Penjaga Pelajar 197
- 30 (b) Purata Kekerapan Kesalahan Golongan Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Taraf Pekerjaan Ibu Bapa atau Penjaga Pelajar 198
- 31 Purata Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Berdasarkan Taraf Pendapatan Ibu Bapa atau Penjaga 201
- 31 (b) Purata Kekerapan Kesalahan Golongan Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Taraf Pendapatan Ibu Bapa atau Penjaga 202
- 32 Purata Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Berdasarkan Bahasa Pertuturan Pelajar dengan Ahli Keluarga di Rumah 203
- 32 (b) Purata Kekerapan Kesalahan Golongan Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Bahasa Pertuturan Pelajar dengan



33	Purata Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk Berdasarkan Bahasa Pertuturan Pelajar dengan Guru di Sekolah	208
33 (b)	Purata Kekerapan Kesalahan Golongan Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Bahasa Pertuturan Pelajar dengan Guru di Sekolah	209
34	Taburan Tahap Karangan Pelajar Berdasarkan Bilangan Kesalahan Ayat Majmuk Aktif	211



SENARAI RAJAH

Bil.	Nama Rajah	Halaman
1	Jadual Pelaksanaan Kajian Penggunaan Ayat Majmuk di Kalangan Pelajar	112
2	Langkah-langkah Pengumpulan Jenis Kesalahan Ayat Majmuk	115
3	Prosedur Kerja Analisis Ellis (1986)	122
4	Lima (5) Langkah Analisis Kesalahan Ayat Majmuk	126



SENARAI SINGKATAN

6 RO	Enam Rendah O
6RY	Enam Rendah Y
Adj	Adjektif
AK	Analisis Kesalahan
AMC	Ayat Majmuk Campuran
AMG	Ayat Majmuk Gabungan
AMKet	Ayat Majmuk Keterangan
AMKomp	Ayat Majmuk Komplemen
AMP	Ayat Majmuk Pancangan
AMR	Ayat Majmuk Relatif
BM	Bahasa Melayu
BB	Bahasa Baku
BD	Bahasa Dialek
BI	Bahasa Ibunda
DR	Pendapatan Rendah
DSR	Pendapatan Sederhana Rendah
DST	Pendapatan Sederhana Tinggi
DT	Pendapatan Tinggi
FK	Frasa Kerja
FN	Frasa Nama
GC	Gred Cemerlang
GSR	Gred Sederhana Rendah
GST	Gred Sederhana Tinggi

HEM	Hal Ehwal Murid
KK	Kata Kerja
KLL	Pekerjaan-pekerjaan Lain
KR	Berpekerjaan Rendah
KS	Berpekerjaan Sederhana
KSN	Kata Sendi Nama
KT	Berpekerjaan Tinggi
KTT	Berpekerjaan Tidak Tetap
LP	Laporan Peperiksaan
MCE	Malaysia Certificate of Education
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
NMM	Nahu Melayu Mutakhir
PAT	Peperiksaan Akhir Tahun
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PR	Pendidikan Rendah
PS	Pendidikan Sederhana
PT	Pendidikan Tinggi
SES	Status Sosioekonomi
SMKBA	Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
STP	Sijil Tinggi Persekolahan
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
T6	Tingkatan Enam
TPA	Teknik Penggabungan Ayat
TBDEB	Tatabahasa Dewan Edisi Baharu



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini merupakan satu analisis terhadap penggunaan ayat-ayat majmuk dalam hasil penulisan karangan pelajar Tingkatan Enam Rendah. Kajian ini cuba mengesan kekerapan pelajar menggunakan pelbagai dan bentuk ayat majmuk. Kajian ini juga mengkaji kekerapan pelajar melakukan kesalahan dalam menggunakan ayat-ayat majmuk tersebut. Kajian ini juga turut meninjau kemampuan pelajar menggunakan ayat majmuk berdasarkan kaum, jantina, sosioekonomi, taraf pendidikan ibu bapa, pencapaian bahasa Melayu (BM) peringkat SPM 1999 dan bahasa pertuturan pelajar, sama ada di rumah atau di sekolah.

Pengkaji memilih aspek di atas untuk dikaji kerana kebanyakan kajian yang telah dilakukan terhadap ayat majmuk hanya mengkaji, sama ada kekerapan penggunaan ayat-ayat majmuk atau kesalahan penggunaan bahasa secara umum. Pengkaji seperti Dahnil Adnani (1985), Awang Mohd. Amin (1990), Khatijah Abdul Hamid (1995), Arpan Shahbudin Latip (1998), Alias Shamsuddin (1969), Raminah Hj. Sabran (1983), Mohamed Nawawi Mohamed Rahace (1994), Ismail Abdul Rajab (1990) Mohd Yunus Kasman (2000) dan N. Gevaratnam (1991) telah



mengkaji kesalahan bahasa secara umum dan tidak mengkaji kesalahan penggunaan ayat majmuk sebagai teras kajian mereka.

Di samping itu, Ab. Razak Ab. Karim (1995), Abdullah Yusof (1999), Khatijah Abdul Hamid (1984), Siti Ramlah Bakri (1997), Sanad Md. Nasir (1985), S. Nathesan (1995), Arockiamary (1992), Ahmad Khair Mohd Nor (1997), Mohammed Najib Awang Kecik (1999), Nor Aini Mat Nor (1997) dan Yahya Sidek (1998) telah mengkaji penggunaan ayat, khususnya majmuk dalam berbagai-bagai bentuk teks.

Kajian tentang kemampuan pelajar menggunakan ayat majmuk berdasarkan pemboleh ubah seperti kaum, jantina, pencapaian BM, taraf pendidikan dan taraf sosioekonomi hanya dijalankan oleh pengkaji seperti Raminah Hj. Sabran, (1983), Arpan Shahbudin Latip (1998) Mat Yusof Daud (1990) dan Mohd. Yunus Kasman (2000). Raminah Sabran (1983) misalnya, telah mengkaji kesalahan penggunaan bahasa di kalangan penutur jati di maktab perguruan. Mohd Yunus Kasman (2000), pula telah mengkaji kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar Melayu (penutur jati) dan pelajar bukan Melayu (bukan penutur jati) dalam penulisan karangan pelajar Tingkatan 3. Sementara itu, Arpan Shahbudin Latip (1998) dan Mat Yusof Daud (1990), dalam kajiannya telah menyentuh hubungan antara kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar yang berbeza taraf pencapaian akademik dan sosioekonomi. Selain itu. kajian tentang hubungan antara faktor personaliti, persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar juga telah dikaji oleh Fatanah Mohamed (1997).

Bertitik tolak dari kenyataan di atas, pengkaji berpendapat satu kajian yang khusus tentang penggunaan ayat majmuk, sama ada kekerapan penggunaannya atau analisis kesalahan penggunaannya dan hubungannya dengan pembolehubah seperti latar belakang keluarga, status sosioekonomi, pencapaian akademik, jantina, kaum dan bahasa pertuturan perlu dibuat.

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan hasil penulisan karangan pelajar dan soal selidik bagi memperoleh data. Soalan karangan dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun 1997, 1998 dan 1999 yang dipungut hasil perbincangan dengan guru-guru yang berpengalaman mengajar Bahasa Melayu (BM) Tingkatan Enam (T6) telah digunakan sebagai bahan kajian.

Populasi kajian ini pula ialah 72 pelajar T6 Rendah Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil (SMKBA), Tapah, Perak bagi tahun 2000. Pelajar-pelajar tersebut mendaftar untuk mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu. Setiap pelajar yang terlibat sebagai sampel dalam kajian ini menulis sebuah karangan untuk dijadikan bahan kajian ini.

Bagi memperoleh jawapan kepada soalan-soalan kajian, 70 buah karangan pelajar dan soal selidik yang telah dilengkapkan oleh pelajar dianalisis bagi tujuan tersebut.

Pengkaji mengambil hasil karangan sebagai bahan kajian kerana hasil penulisan merupakan kayu pengukur yang baik untuk menilai tatabahasa pelajar, khususnya penggunaan ayat berbanding dengan alat komunikasi yang lain seperti lisan. Malah menurut Arbak Othman (1985), orang yang cekap bertutur dalam

bahasa Melayu belum tentu berjaya menghasilkan karangan yang benar-benar mempunyai kesatuan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahagian akan menjelaskan kepentingan ayat yang gramatis dalam karangan, kepentingan menguasai ayat-ayat majmuk dalam karangan di kalangan pelajar dan kedudukan karangan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam.

I. Kepentingan Ayat Yang Gramatis Dalam Hasil Penulisan Karangan

Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1990), kelemahan pelajar menguasai tatabahasa dan penyusunan idea mewujudkan karangan yang tidak 'terkarang'. Kelemahan ini menyebabkan kemahiran intelek dan berfikir di kalangan pelajar terbantut kerana menurut Mohd Noor Ishak (1994), kemahiran menulis merupakan satu proses intelek. Sementara itu, Abdullah Hassan (1997) menjelaskan bahawa kemahiran berbahasa merupakan satu proses yang amat penting bagi pelajar, khususnya pelajar tingkatan enam kerana mereka bakal menjadi pelajar peringkat universiti.

Dalam hal ini, Husin Mahmud (1983) merumuskan bahawa antara komponen utama dalam penghasilan karangan ialah tatabahasa, iaitu penggunaan ayat-ayat yang gramatis. Beliau juga menegaskan bahawa gaya, iaitu pemilihan struktur ayat dan butiran leksikal juga penting dalam menghasilkan karya penulisan yang baik. Raminah Hj. Sabran (1989) pula menjelaskan bahawa antara ciri-ciri karangan yang baik ialah karangan tersebut mestilah mempunyai

kesatuan, pertautan dan penekanan, di samping gaya yang baik. Menurutnya lagi, gaya bermaksud ketepatan pemilihan dan penggabungan frasa untuk membina ayat dan penggabungan ayat bagi membina wacana yang lebih besar.

Di samping itu, penggunaan kosa kata, tatabahasa, peribahasa dan gaya penulisan juga mempengaruhi mutu penulisan pelajar (Azman Wan Chik, 1987). Sehubungan dengan kemahiran menulis dan kaitannya dengan kecekapan berbahasa, Mohd Noor Ishak (1994), yang telah menjalankan kajian terhadap pelajar Sekolah Bahasa dan Saintifik, Universiti Utara Malaysia, mendapati bahawa semasa proses menghasilkan perencanaan, penterjemahan dan peninjauan, pelajar-pelajar tersebut memberi penekanan yang lebih kepada aspek penggunaan ayat yang betul. Dalam kajiannya juga beliau mendapati ada pelajar yang menghadapi masalah penggunaan ayat ketika menulis esei.

Dalam konteks yang sama, Abdul Ghalib Yunus (1998), turut menjelaskan bahawa terdapat pelajar yang gagal mengenali subjek dan predikat dalam sesuatu ayat yang mereka bina. Menurutnya lagi, keadaan ini boleh menyebabkan pelajar-pelajar tersebut gagal menghasilkan ayat-ayat yang gramatis dalam karangan mereka. Awang Sariyan (1996), pula turut menjelaskan bahawa karangan yang baik ialah karangan yang mempunyai kesepaduan. Menurutnya, kesepaduan bermaksud ayat-ayat dan perenggan disusun dengan baik sehingga karangan atau maklumat atau gagasan menjadi lancar dan tidak melompat-lompat. Beliau menjelaskan bahawa untuk menghasilkan perenggan yang padu, pelajar perlu memiliki kemahiran menjalin ayat sehingga setiap ayat dalam perenggan tersebut memperlihatkan pertalian yang kukuh antara satu sama lain. Malah, menurut Abdul Jalil Othman (2000) keupayaan menguasai kemahiran menggabungkan

ayat yang teratur dapat membantu pelajar yang mempunyai kesukaran terutama dalam penyusunan idea dalam menghasilkan sesebuah karangan. Evans (1986) pula menyatakan bahawa kemahiran menulis karangan merupakan satu kemahiran yang turut melibatkan tatabahasa, iaitu penggunaan bentuk tatabahasa dan pola sintaksis ayat.

Berdasarkan pendapat di atas, jelas bahawa kebolehan menguasai sintaksis dengan baik, khususnya pelbagai jenis dan ragam ayat majmuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik dan berkesan.

II. Kepentingan Menguasai Ayat-ayat Majmuk dalam Penulisan Karangan

Penguasaan ayat-ayat majmuk dalam penulisan karangan di kalangan pelajar sangat penting kerana menurut Danker, Kerek dan Moramberg (1979), kebolehan menggabungkan ayat dapat meningkatkan kualiti penulisan. Mereka menjelaskan bahawa kemampuan pelajar menggabungkan ayat sama ada melalui proses gabungan, pancangan, pelenyapan boleh mematangkan ayat-ayat pelajar. Malah Asmah Hj.Omar (1986) dan Zamel (1983), turut menyatakan bahawa ayat-ayat mudah atau ayat-ayat tunggal menjadi lebih matang sifatnya apabila ayat-ayat tersebut dapat digabungkan dan menjadi ayat kompleks dan sebagainya.

Cooper (1973) dan Comps (1976), menyatakan bahawa latihan menggabungkan ayat bukan sahaja dapat mempertingkatkan kefasihan dan kelancaran ayat tetapi juga keseluruhan mutu sesebuah karangan. Di samping itu, kebolehan menggabungkan ayat boleh membantu kelancaran menyampaikan

isi-isi penting dalam sesebuah karangan (Straw, 1981). Malah, konsep-konsep teknikal dan falsafah dapat disampaikan dengan lebih jelas dengan menggunakan ayat-ayat kompleks (Asmah Hj. Omar, 1978).

Berdasarkan perbincangan di atas jelaslah bahawa kemampuan menguasai ayat-ayat majmuk khususnya dalam penulisan karangan dapat membantu pelajar meningkatkan mutu karangan mereka serta membolehkan pelajar menyampaikan idea dengan jelas.

III. Penulisan Karangan Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam

Penulisan karangan merupakan salah satu kemahiran yang penting dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu peringkat STPM kerana matlamat Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu STPM Tahun 2001 ialah bagi membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa setaraf dengan peringkat intelek pelajar pada peringkat universiti. Di samping itu, sukatan ini juga bermatlamat untuk meningkatkan keupayaan berbahasa di kalangan pelajar untuk kepentingan pendidikan tinggi. Akhimya kemahiran ini dapat melahirkan pelajar yang kreatif dan kritis berasaskan pemikiran logik.

Objektif sukatan pelajaran pula ialah '*...membina kebolehan mengungkapkan fikiran dengan menggunakan bahasa yang betul dan berkesan.*' dan '*...memantapkan penggunaan bahasa dari segi ejaan, kosa kata, tatabahasa, dan ungkapan mengikut konteks yang sesuai.*' (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu

STPM 2001: 1). Maka jelaslah bahawa penulisan karangan merupakan satu kemahiran yang amat penting bagi melahirkan idea yang jelas dan matang.

1.3 Pernyataan Masalah

Penggunaan tatabahasa yang betul, khususnya ayat-ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar merupakan satu perkara yang penting dan dititikberatkan. Penggunaan ayat yang baik dalam penghasilan karangan di peringkat STPM penting kerana setiap kesilapan ayat yang terdapat dalam karangan tersebut menjejaskan prestasi dan markah karangan pelajar itu. Nathesan (1998), dalam tinjauannya terhadap penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar, beliau mendapati kesalahan frasa dan ayat merupakan kesalahan yang kerap dilakukan.

Berdasarkan kesilapan ayat yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam ayat 1 dan 2, jelas bahawa ramai pelajar masih gagal menggunakan penanda ayat majmuk dengan betul. Seterusnya, kelemahan menguasai ayat dengan betul, khususnya ayat-ayat majmuk menyekat pelajar daripada memperoleh markah yang baik dalam peperiksaan STPM.

Berpandukan kajian rintis yang dilakukan oleh pengkaji terhadap 10 orang pelajar Tingkatan Enam Rendah di sekolah pengkaji, kesilapan yang paling kerap ditemui ialah kesilapan penggunaan ayat majmuk. 70% pelajar gagal menggunakan ayat majmuk, khususnya ayat majmuk campuran dengan tepat. Situasi ini sejajar dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Arpan Shahbudin Latip (1998). Dalam kajiannya terhadap pelajar-pelajar 5 (Lima) Thanawi, beliau mendapati bahawa antara 1372 kesilapan yang ditemui dalam karangan pelajar,

958 daripada kesilapan tersebut ialah kesalahan penggunaan ayat majmuk.

Kesilapan yang paling ketara ialah kesilapan ayat majmuk campuran. Hasil dapatan beliau itu menjelaskan kepada kita bahawa pelajar memang menghadapi masalah untuk menulis ayat-ayat majmuk yang gramatis.

Dalam hal ini, Laporan Peperiksaan (LP) STPM 1997 (Jilid 1: 15), menyatakan bahawa pada umumnya penguasaan bahasa calon amat lemah. Laporan itu turut menjelaskan bahawa calon-calon hanya memberikan lebih tumpuan terhadap aspek isi dan tidak mementingkan aspek bahasa. Dengan itu, mereka mampu memperoleh prestasi yang tinggi dalam aspek isi tetapi rendah dalam aspek kemahiran bahasa. Laporan ini turut menggariskan beberapa kelemahan lain yang dilakukan oleh calon STPM 1997. Antara kesilapan tersebut ialah membina ayat yang tidak gramatis seperti ayat tergantung dan ayat tanpa subjek. Contoh kesalahan ayat tersebut ialah:

1. Pencemaran alam yang sering melanda negara kita boleh membawa mudarat kepada kesihatan rakyat yang mana telah lama menderita kerana pencemaran tersebut.

Ayat di atas berbelit-belit strukturnya dan terdapat penggunaan kata tanya yang tidak tepat, iaitu *yang mana*. Ayat tersebut boleh dikemaskan dan dibetulkan seperti berikut:

- 1a. Pencemaran alam yang selalu terjadi di negara kita boleh menjejaskan kesihatan rakyat.

LP STPM Tahun 1999 (Jilid 1: 11) dan LP STPM Tahun 1993 (Jilid 1: 9) menjelaskan bahawa terdapat ramai pelajar masih gagal menguasai penggunaan

ayat yang tepat dalam penulisan karangan. Antara kelemahan tersebut ialah binaan ayat yang tergantung, binaan subjek dan predikat tidak jelas dan penggunaan ayat yang berjela-jela hingga sukar dikesan subjek dan predikatnya.

Awang Mohamad Amin (1982), dalam kajiannya mendapati ada pelajar yang tidak pandai menggunakan ayat yang berkesan. Beliau menyatakan bahawa ayat-ayat yang digunakan oleh pelajar dalam karangan mereka lemah susuk bahasanya.

Di samping itu, kelemahan pelajar menggunakan ayat juga berlaku dalam peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dalam Laporan Prestasi SPM/MCE (1985) melaporkan bahawa antara kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ialah kelemahan penguasaan tatabahasa dan penggunaan ayat yang tergantung hingga menyebabkan pengemukaan isinya tidak lancar.

Awang Sariyan (1984), pula turut mengkaji penulisan pelajar dalam peperiksaan STPM. Beliau mendapati kebanyakan tahap karangan pelajar berada pada peringkat lemah dan terdapat sesetengah calon tidak mendapat markah yang baik semata-mata kerana terlalu banyak melakukan kesalahan bahasa. Antara kesalahan yang ditemuinya ialah:

2. Oleh sebab pembangunan yang tidak dikawal menyebabkan pemaju-pemaju menebang pokok yang masih muda.
3. Kaum guru tidak boleh menjatuhkan hukuman kepada pelajar tadi disebabkan ia mesti mencuba mencari jalan lain.



Kedua-dua ayat di atas tidak menggunakan kata hubung yang betul. Ayat (2) dan (3) ini sepatutnya adalah seperti berikut:

- 2a. Pembangunan yang tidak terkawal menyebabkan pemaju-pemaju menebang pokok yang masih muda.
- 3a. Kaum guru tidak boleh menjatuhkan hukuman kepada pelajar tadi, beliau mesti mencuba mencari jalan lain.
penyelesaian masalah.

Sementara itu, Mohd. Jonit Mohd. Johari (1993), dalam kajiannya terhadap karangan Bahasa Melayu peringkat SPM, telah merumuskan bahawa pelajar gagal menguasai beberapa aspek penulisan. Antara kelemahan tersebut ialah kelemahan menguasai tatabahasa. Dalam kajiannya, beliau mendapati ada pelajar yang masih lemah dalam menggunakan ayat yang gramatis. Malah, menurutnya lagi terdapat pelajar yang menggunakan ayat-ayat yang tergantung, iaitu tidak bersubjek atau berpredikat.

Berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh MPM (1993, 1997 dan 1999), Nathesan (1998), Awang Mohamad Amin (1982), Lembaga Peperiksaan Malaysia (1985), Arpan Shahbudin Latip (1998), Awang Sariyan (1989) dan Mohd Jonit (1993), kita dapat menyimpulkan bahawa:

1. Ramai pelajar gagal menggunakan ayat-ayat majmuk yang gramatis dalam karangan mereka.
2. Ayat majmuk campuran merupakan ayat majmuk yang sukar dikuasai oleh pelajar.



3. Kelemahan menggunakan ayat yang berkesan di kalangan pelajar amat membimbangkan dan sekali gus menjejaskan prestasi mereka dalam peperiksaan penting, khususnya STPM.

Jika kelemahan pelajar menggunakan ayat majmuk dengan baik tidak diatasi, pencapaian pelajar dalam Bahasa Melayu peringkat STPM akan merosot kerana kebolehan pelajar menggunakan ayat majmuk yang baik berkait rapat dengan pencapaian cemerlang dalam Kertas Bahasa Melayu.

Tinjauan terhadap keputusan Kertas Bahasa Melayu STPM tahun 2000 sekolah yang dikaji, jelas menunjukkan bahawa jika fenomena ini diabaikan, maka penurunan prestasi pencapaian Bahasa Melayu akan berlaku. Misalnya, pencapaian Kertas BM tersebut menunjukkan penurunan prestasi sebanyak 17.11% pada tahun 2000 berbanding dengan peningkatan hampir 25% pada tahun 1999. Malah, tiada seorangpun daripada calon Kertas BM sekolah ini mendapat Gred A pada tahun 2000 walaupun ada 3 orang mendapat A pada tahun 1999.

Oleh sebab itu, kajian yang terperinci wajar dilakukan bagi mengenal pasti punca berlakunya masalah tersebut sekaligus mencari jalan bagi mengatasi masalah yang telah diutarakan di atas.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian tentang penggunaan ayat-ayat majmuk di kalangan pelajar tingkatan enam rendah perlu dilakukan untuk mendapatkan gambaran tentang tahap penggunaan

ayat-ayat tersebut di dalam penulisan mereka. Dapatan yang diperoleh daripada kajian ini dapat dimanfaatkan oleh para pelajar, guru-guru, para penggubal kurikulum, para pentadbir sekolah dan institusi pendidikan dan para penyelidik bahasa. Dengan ini, dapatan kajian ini akan dapat,

1. Memandu guru mengatasi kelemahan dan penggunaan ayat-ayat majmuk di kalangan pelajar dalam hasil penulisan karangan,
2. Membantu guru mengenal pasti sebab-sebab kelemahan pelajar menguasai ayat majmuk,
3. Menjadi bahan rujukan yang boleh dijadikan panduan oleh penggubal kurikulum di Pusat Perkembangan Pendidikan (PPK) bagi menyemak kurikulum pengajaran tatabahasa di sekolah, dan
4. Menjadi asas rujukan kepada pihak-pihak lain untuk menerbitkan buku panduan atau rujukan kepada guru yang mengajar Bahasa Melayu.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji keupayaan pelajar Tingkatan Enam Rendah Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil, Tapah, Perak menggunakan ayat majmuk dalam karangan mereka. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji kemampuan pelajar menggunakan ayat majmuk dalam karangan mereka berdasarkan,
 - a. Jenis-jenis ayat majmuk
 - b. Jenis-jenis kesalahan penggunaan ayat majmuk.

2. Mengkaji kemampuan pelajar menggunakan ayat-ayat majmuk dalam karangan mereka berdasarkan,
 - a. Bahasa pertuturan
 - b. Pencapaian BM peringkat SPM 1999
 - c. Sosioekonomi
 - d. Latar belakang pendidikan keluarga
 - e. Kaum
 - f. Jantina
3. Mengkaji jenis ayat majmuk yang paling kerap digunakan oleh pelajar dalam hasil penulisan mereka,
4. Mengetahui tahap karangan berdasarkan tahap kesalahan ayat majmuk dalam karangan mereka, dan
5. Membetulkan kesalahan sebagai sebahagian daripada mengajar kemahiran berbahasa peringkat tinggi.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab beberapa soalan kajian berikut:

1. Apakah kekerapan ayat majmuk yang dihasilkan oleh pelajar dalam karangan mereka berbanding dengan jumlah keseluruhan ayat yang digunakan?

2. Apakah jenis ayat majmuk aktif yang paling kerap digunakan oleh pelajar dalam penulisan mereka?
3. Sejauh manakah kekerapan penggunaan tiga jenis utama ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar berdasarkan jenis-jenisnya?
4. Sejauh manakah kekerapan pelajar menggunakan ayat majmuk aktif dalam karangan mereka berdasarkan jantina, kaum, pencapaian Bahasa Melayu peringkat SPM, sosioekonomi, latar belakang pendidikan keluarga dan bahasa pertuturan?
5. Apakah kekerapan kesalahan ayat majmuk aktif yang dibuat oleh pelajar dalam karangan mereka secara keseluruhan?
6. Apakah kekerapan kesalahan tiga jenis utama ayat majmuk dalam karangan pelajar berdasarkan jenis-jenis kesalahan?
7. Sejauh manakah kekerapan pelajar melakukan kesalahan ayat majmuk aktif dalam karangan mereka berdasarkan jantina, kaum, latar belakang pendidikan keluarga, pencapaian Bahasa Melayu peringkat SPM, taraf sosioekonomi keluarga dan bahasa pertuturan?
8. Apakah tahap karangan pelajar berdasarkan bilangan kesalahan ayat majmuk aktif?

Segala hasil kajian ini terbatas kepada aspek-aspek berikut, iaitu,

1. Jenis-jenis ayat majmuk yang digunakan oleh pelajar dianalisis berdasar kepada kerangka Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu, 1993) sahaja,
2. Jenis-jenis kesalahan ayat majmuk yang dilakukan oleh pelajar ditentukan berdasarkan konsep salah-betul yang dihuraikan oleh Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu, 1993), Asmah Hj. Omar (1993), dan Raminah Hj Sabran (1983) sahaja.
3. Aspek bahasa yang dikaji dalam contohan karangan pelajar ialah ayat-ayat majmuk aktif sahaja, iaitu ayat majmuk gabungan, pancangan dan campuran. Ayat majmuk pasif tidak dikaji dalam kajian ini.
4. Unsur bahasa yang dikaji dalam karangan pelajar ialah unsur tatabahasa (sintaksis) sahaja, manakala unsur isi dan penyusunan idea tidak dikaji.
5. Sampel yang dipilih hanyalah pelajar Tingkatan Enam Rendah Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil (SMKBA), Tapah, Perak pada tahun 2000. Sampel ini merupakan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai salah satu pakej STPM tahun 2001.
6. Sampel yang dipilih seramai 70 orang sahaja. Senarai sampel diambil daripada Buku Daftar Pelajar Tingkatan 6RY dan 6RO yang berakhir pada 31 Oktober 2000. Smpel ini dapat memberi gambaran sebenar tentang kemampuan pelajar tingkatan enam menggunakan



ayat majmuk aktif kerana sampel ini mewakili pelbagai kaum, jantina, pencapaian Bahasa Melayu peringkat SPM dan latar belakang keluarga.

7. Data yang diperoleh hanyalah menggambarkan kemampuan pelajar Tingkatan Enam Rendah 2001 aliran kemanusiaan menggunakan ayat-ayat majmuk.
8. Bahan kajian yang digunakan bagi memperoleh data daripada sampel ialah karangan pelajar dalam tajuk karangan yang terdapat dalam peperiksaan akhir tahun (PAT), tahun 2000 sahaja (lihat lampiran A). Panjang karangan itu terbatas kepada 700 patah perkataan sahaja.
9. Segala data yang dikaji hanyalah contoh yang diperoleh semasa Peperiksaan Akhir Tahun sahaja.
10. Soalan-soalan kajian dianalisis dengan menggunakan teknik deskriptif iaitu kekerapan, peratus dan purata.



Walaupun bagaimanapun, hasil kajian ini boleh digeneralisasikan kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar lain, kecuali bagi sekolah-sekolah yang mempunyai persekitaran yang tidak sama. Seterusnya, hasil kajian ini juga diharapkan dapat memperlihatkan situasi sebenar kemampuan pelajar Tingkatan Enam Rendah di seluruh negara dalam menggunakan ayat majmuk aktif agar langkah-langkah positif boleh diambil bagi mengatasi kesalahan-kesalahan bahasa yang sering mereka lakukan.



Berikut dijelaskan beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini.

I. Kekerapan

Dalam kajian ini kekerapan bermaksud kadar penggunaan dan kadar berlakunya kesalahan ayat-ayat majmuk yang terdapat dalam karangan. Kadar penggunaan ini diukur dalam kekerapan, peratus dan purata.

II. Penggunaan

Kamus Dewan (1996: 418), mendefinisikan penggunaan sebagai perihal menggunakan sesuatu. Atan Long (1980: 167) pula mendefinisikan penggunaan sebagai kebolehan menggunakan pengetahuan dalam situasi baharu. Ini termasuklah menggunakan berbagai-bagai aturan, kaedah, prinsip, undang-undang dan teori. Dalam konteks kajian ini, penggunaan bermaksud kemampuan pelajar menggunakan ayat-ayat majmuk yang pelbagai jenis, sama ada dalam bentuk yang gramatis atau tidak berdasarkan rumusan **Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu, 1993) (TBDEB)**, **Nahu Melayu Mutakhir (Asmah Hj. Omar, 1993) (NMM)**, dan Raminah Hj. Sabran (**Analisis Kesalahan Nahu, 1983**).

Kemampuan bererti keupayaan pelajar menggunakan ayat-ayat majmuk aktif yang gramatis dan pelbagai jenis dalam hasil penulisan berdasarkan kerangka TBDEB (1993), NMM (1993) dan Analisis Kesalahan Nahu Raminah Sabran (1983).

IV. Hasil Penulisan karangan

Penulisan karangan pelajar dalam kajian ini ialah karangan yang dihasilkan pelajar semasa kajian dijalankan. Karangan pelajar dikutip semasa peperiksaan akhir tahun dijalankan. Hasil penulisan karangan pelajar dikutip dan dianalisis bagi menjawab soalan-soalan kajian. Tajuk-tajuk karangan dalam kajian ini ialah tajuk yang terdapat dalam soalan Peperiksaan Akhir Tahun sebenar, iaitu tahun 2000.

V. Kesalahan

Tarigan (1990: 75), mengatakan bahawa Kesalahan (error) dan kesilapan (mistake) mempunyai maksud yang berbeza. Menurut Tarigan, kesilapan berhubung kait dengan prestasi atau kecekapan menguasai rumus-rumus bahasa dan terjadi dalam masa yang pendek. Manakala kesalahan pula bersangkutan dengan kompetensi atau kebolehan berbahasa. Kesalahan biasanya terjadi secara konsisten dan akan semakin berkurangan jika tahap pemahaman semakin meningkat. Sementara itu, Juriah *et al.* (1994: 308), mendefinisikan kesilapan bahasa sebagai suatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa baku penutur jati. Oleh itu, dalam kajian ini, semua kesilapan dan

kesalahan yang dilakukan oleh pelajar diklasifikasikan sebagai kesalahan kerana setiap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar berlaku secara berulang.

VI. Pelajar Tingkatan Enam Rendah

Pelajar yang menjadi sampel dalam kajian ini ialah pelajar tingkatan enam rendah yang akan mengambil kertas Bahasa Melayu dalam peperiksaan STPM 2001 di Sekolah pengkaji sendiri iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil, Tapah, Perak. Mereka berumur antara 18-19 tahun. Mereka juga telah mendapat pendidikan formal selama 11 tahun dan terdiri daripada pelbagai kaum (Melayu dan bukan Melayu), jantina, latar belakang pendidikan keluarga dan taraf sosioekonomi.

VII. Tahap Karangan Pelajar

Tahap karangan pelajar ialah piawai untuk menilai gred karangan yang dihasilkan oleh pelajar. Piawai ini dibuat berdasarkan skor yang diperkenalkan oleh Heaton (1979: 137). Skor yang digunakan bagi menilai tahap atau peringkat karangan pelajar tersebut ialah:

5	=	sangat baik
4	=	baik
3	=	sederhana
2	=	lemah
1	=	sangat lemah

Dalam kajian ini, penilaian terhadap peringkat atau gred karangan pelajar diperinci berdasarkan bilangan kesalahan ayat majmuk aktif yang dihasilkan oleh pelajar dalam penulisan mereka.

VIII. Pendidikan Formal

Pendidikan Formal ialah pendidikan sepenuh masa yang diikuti oleh pelajar. Dalam konteks ini, pelajar mengikuti pendidikan formal selama 11 tahun dan juga diandaikan, telah belajar bahasa Melayu secara formal selama 11 tahun.

IX. Latar Belakang Pendidikan Keluarga

Dalam kajian ini, latar belakang pendidikan keluarga bermaksud taraf pendidikan yang dimiliki oleh ibu bapa atau penjaga pelajar. Dalam kajian ini, taraf pendidikan keluarga pelajar dibuat berdasarkan tiga tahap, iaitu:

- a. Berpendidikan Tinggi (berkelulusan STPM, diploma dan yang setaraf dengannya seperti Sijil Jururawat, dan ijazah),
- b. Sederhana (berkelulusan SPM dan yang setaraf dengannya seperti MCE, SPMV dan sebagainya), dan
- c. Rendah (kelulusan sekolah rendah dan tidak bersekolah).

X. Taraf Sosioekonomi Keluarga (SES)

Taraf atau status sosioekonomi pelajar ditentukan pada tahap pendapatan yang diperoleh oleh ibu bapa atau penjaga pelajar serta jenis pekerjaan mereka. Dalam

kajian ini status sosio-ekonomi merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan ibu bapa atau penjaga, seperti yang dibuat oleh Fatanah Mohamed (1997), iaitu:

- a. SES Rendah (berpendapatan kurang daripada RM 1000 sebulan).
- b. SES Sederhana-Rendah (berpendapatan antara RM 1000 - RM 1999 sebulan).
- c. SES Sederhana-Tinggi (berpendapatan antara RM 2000 – RM 2999 sebulan).
- d. SES Tinggi (berpendapatan lebih RM 3000 sebulan).

XI. Pencapaian Bahasa Melayu

Pencapaian Bahasa Melayu pelajar dalam kajian ini didefinisikan sebagai pencapaian mereka dalam peperiksaan SPM tahun 2000. Pencapaian ini dilihat daripada tiga kategori, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Penentuan gred tersebut dibuat berdasarkan pengubahsuaian terhadap gred sebenar bagi Kertas Bahasa Melayu, peringkat SPM yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Pengubahsuaian ini dilakukan kerana tidak terdapat pelajar yang memperoleh Pangkat Lulus (gred 7 dan 8) kerana syarat kemasukan ke Tingkatan Enam Rendah ialah sekurang-kurangnya mendapat Pangkat Kepujian (minimum gred 6) dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, penentuan gred pencapaian pelajar dikelaskan seperti berikut:

- a. Pencapaian Tinggi (gred 1 dan 2)
- b. Sederhana-Tinggi (gred 3 dan 4)
- c. Sederhana-Rendah (gred 5 dan 6)

Bahasa ibunda ialah bahasa pertama bagi seseorang penutur. Dalam kajian ini, bahasa ibunda bagi pelajar Melayu ialah bahasa Melayu Dialek, sama ada Dialek Rawa, Perak dan sebagainya. Manakala bahasa ibunda bagi pelajar Cina dan India ialah bahasanya sendiri. Selain itu, bahasa ibunda bagi pelajar Asli ialah bahasa Asli seperti Temiar dan sebagainya.

XIII. Bahasa Kedua

Ellis (1994: 11), mendefinisikan bahasa kedua sebagai sebarang bahasa yang lain daripada bahasa ibunda. Dalam konteks kajian ini, bahasa Melayu Standard (Baku) merupakan bahasa kedua bagi pelajar Melayu kerana pelajar Melayu menggunakan dialek sebagai bahasa pertama. Begitu juga dengan pelajar Cina, India dan Asli.

XIV. Ayat

Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (1993), ayat bermaksud pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap, diucapkan dengan intonasi yang sempurna, dimulakan dan diakhiri dengan kesenyapan. Dalam kajian ini, ayat didefinisikan sebagai semua ayat yang dihasilkan oleh pelajar, sama ada yang gramatis atau tidak, dalam hasil penulisan karangan mereka.

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan terhadap Pelajar Tingkatan Enam Rendah ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana kemampuan mereka menggunakan ayat majmuk dalam hasil penulisan karangan. Kajian ini dilakukan bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan. Di samping itu, kajian ini dijalankan berdasarkan definisi operasional yang telah dijelaskan dalam bab ini.